

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

KKM bentang laporan tangguh ibadat umrah

Mesyuarat Khas Kabinet fokus isu pasca banjir serta kesihatan

Oleh Mohamed Farid Noh dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Segamat: Kementerian Kesihatan (KKM) akan membentangkan laporan mengenai isu penangguhan ibadat umrah, susulan penularan varian Omicron COVID-19 dalam Mesyuarat Khas Kabinet hari ini, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, menerusi pembentangan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar itu, Kabinet akan mendapat maklumat terperinci mengenai langkah diambil KKM, berhubung langkah menangguhkan ibadat umrah buat sementara waktu, berkuat kuasa Sabtu ini. "KKM akan bentang isu COVID-19, terutama berkaitan penularan varian Omicron, terma-

suk keputusan dibuat mengenai penangguhan umrah dalam Mesyuarat Khas Kabinet esok (hari ini).

"Saya akan dapatkan gambaran sebenar mengenai isu umrah. Cuma, saya nak maklumkan tindakan KKM ini lebih kepada nak jaga nyawa kita. Apa-apapun, saya mahu dapatkan laporan terperinci dahulu," katanya.

Ismail Sabri berkata, Mesyuarat Khas Kabinet hari ini juga akan menyentuh isu pasca banjir dan persediaan untuk menghadapi gelombang baharu bencana itu, sekiranya berlaku.

Beliau memberitahu media selepas meninjau pusat pemindahan sementara (PPS) mangsa banjir di Balai Raya Kampung Tandong, di sini, semalam.

Sabtu lalu, KKM menangguhkan ibadat umrah buat sementara waktu berkuat kuasa 8 Januari ini, berikutan peningkatan penularan kes COVID-19 varian Omicron.

Ketika mengumumkan keputusan itu, Khairy dilaporkan berkata, larangan terbabit akan kekal sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Keputusan itu mengundang

pelbagai reaksi, terutama dalam kalangan bakal jemaah yang sudah menempah tiket penerbangan ke tanah suci.

Selain tiket penerbangan perjalanan umrah yang baharu ditangguhkan berkuat kuasa 1 Januari, semua jemaah diarahkan menjalani kuarantin wajib di stesen atau hotel dikenal pasti NADMA, mulai kelmarin.

Media melaporkan, rungutan jemaah umrah yang pulang ke tanah air apabila mereka mendakwa dikenakan kos penginapan menjangkau RM250 semalam dan tambang pengangkutan dari lapangan terbang ke stesen kuarantin.

Turut dibangkitkan ialah isu mengenai jemaah umrah tidak mempunyai pilihan hotel, sebaliknya terpaksa akur dengan senarai penginapan ditentukan pengurusan NADMA.

Mengulas rungutan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abd Latiff Ahmad, menjelaskan, jemaah umrah yang kembali dari Tanah Suci, diberi pilihan berurusan terus dengan stesen kuarantin swasta atau ditempatkan di kemudahan seliaan kerajaan.

Beliau mengakui, wujud rungutan mengenai jemaah umrah yang risau dengan kos tambahan dan berkemungkinan tidak selesai apabila diarahkan menjalani kuarantin.

"Jemaah umrah mempunyai pilihan, sama ada berurusan terus dengan stesen kuarantin swasta, secara merujuk hotel yang disenaraikan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) atau stesen kuarantin diuruskan kerajaan.

"Bagi penempatan kuarantin diuruskan kerajaan, individu dalam pemantauan (PUS) iaitu jemaah yang negatif ujian saringan COVID-19 oleh KKM akan ditempatkan di hotel atau pusat latihan awam, bergantung kepada ketersediaan bilik pada hari ketibaan dengan kos ditanggung kerajaan termasuk makan, minum dan pengangkutan dari lapangan terbang.

"Tempoh kuarantin adalah seperti yang ditetapkan KKM," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Dr Abd Latiff berkata, pihaknya mempunyai senarai pusat kuarantin untuk jemaah umrah sebaik mereka tiba di tanah air.

Berdasarkan senarai itu, 10 hotel dikhaskan sebagai stesen kuarantin jemaah di Kuala Lumpur; manakala lapan di Selangor.

Di Kuala Lumpur terdiri daripada Hotel Royal; Hotel Swiss Garden, Bukit Bintang; Hotel IBIS, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC); Hotel Furama, Bukit Bintang; Hotel Mercure, Kuala Lumpur Shaw Parade; IBIS Style KL Fraser Business Park; Hotel AnCasa; Hotel Cosmo; Hotel KIP dan Hotel Arena Star.

Hotel di Selangor membabitkan Hotel Sama-Sama; Hotel Grand Dorsett, Subang; Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya; Hotel Sunway Clio; Hotel Hilton Garden Inn, Puchong; Hotel Oriental Cynstal; Hotel Summit, USJ dan Hotel Pegasus, Shah Alam.

Pusat kuarantin institut latihan awam pula merangkumi Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT); Institut Aminuddin Baki (IAB) Nilai; Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi; Institut Semarak FELDA (ISEF) Bangi; Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bangi; Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur dan QS Hotel.



Antara jemaah umrah yang baru tiba ketika tinjauan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLLA), Sepang, 27 Disember lalu. (Foto Alizzudin Saad/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Hanya 0.08 peratus guna e-Bracelet perlu bantuan lanjut

Masalah peranti pengawasan digital disifatkan isu terpencil

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Masalah yang berlaku terhadap peranti pengawasan digital, e-Bracelet disifatkan sebagai isu terpencil apabila hanya membabitkan 25 insiden dalam tempoh kira-kira sebulan.

Platform pengurusan penjagaan kesihatan digital, QuickMed, menjelaskan pihaknya mengambil maklum aduan membabitkan seorang individu, mengenai e-Bracelet yang tertanggal dalam tempoh 24 jam pemasangan.

Kesal dengan insiden berkenaan, anak syarikat UEM Edgenta Berhad itu menghantar dua juruteknik ke alamat kuarantin individu terabit dan ia kini beroperasi semula seperti biasa.

"Teknologi kami adalah 100 peratus buatan tempatan dan digunakan di lebih 31 negara ter-



Individu yang pulang dari beberapa negara yang dikaitkan dengan penularan varian Omicron diwajibkan memakai peranti pengawasan digital. (Foto hiasan)

masuk Emiriah Arab Bersatu (UAE), Amerika Syarikat, Kuwait, Singapura, Brazil dan Arab Saudi.

"Sejak Sistem Pengurusan Kuarantin Rumah (HQMS) ini digunakan bermula 8 Disember 2021, hanya 25 insiden atau 0.08 peratus memerlukan bantuan lanjut, yang mana pembetulan segera dilaksanakan oleh pasukan teknikal kami.

"Kami ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa pasukan operasi bersedia untuk membantu sekiranya isu ini be-

runlagi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pelakon dan pelawak, Azad Jasmin, semalam mengadu bahawa peranti pengawasan digital yang dipakainya kepadanya tercabut, sekali gus dikhuatiri berupaya merencatkan usaha kawalan wabak dalam kalangan pengembara dari luar negara.

Sehubungan itu, beliau yang mengutarakan aduan berkenaan menerusi aplikasi media sosial mengesha pihak berwajib untuk mengambil langkah drastik berkaitan isu terabit.

KKM siasat 18 kes kesan imunisasi serius dalam kalangan banduan

Putrajaya: Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan menerima laporan mengenai 18 kes kesan advers susulan imunisasi (AEFI) serius yang dilaporkan berlaku dalam kalangan banduan Penjara Kajang, yang tular, baru-baru ini.

Pengarahnya, Dr Roshayati Mohamad Sani, menerusi satu kenyataan media, berkata pada masa sama, laporan AEFI yang diklasifikasikan sebagai serius, termasuk yang membabitkan kematian itu, sedang dalam proses penyiasatan.

"KKM ingin merujuk kepada surat daripada Penjara Kajang yang tular di media sosial berkenaan 18 kes mengalami kesan AEFI serius yang dilaporkan dalam kalangan penerima vaksin COVID-19 melalui Program Vaksinasi Banduan Penjara Kajang

di penjara itu.

"Adalah dimaklumkan bahawa KKM melalui NPRA memantau secara berterusan keselamatan penggunaan semua vaksin termasuk vaksin COVID-19 melalui pemantauan laporan AEFI," katanya.

Beliau berkata, siasatan juga sudah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat lengkap.

Katanya, laporan siasatan akan dibentangkan untuk dinilai oleh Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin COVID-19 (JFKV) bagi mengesahkan punca atau hubungan kait antara vaksin dengan kesan advers yang dilaporkan.

Sehubungan itu, beliau berkata, KKM akan memaklumkan situasi semasa laporan kepada umum dari semasa ke semasa.

Terdahulu, tular sesalanan surat daripada pengurusan Penjara Kajang kepada Pakar Perubatan Kesihatan Awam di Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat membabitkan 18 kes advers serius yang sudah dilaporkan kepada NPRA, termasuk dua kes kematian dalam kalangan banduan yang sudah mengambil vaksin COVID-19 dalam penjara itu.

Surat bertarikh 30 November lalu itu menyebut seramai 4,185 banduan terabit dalam program vaksinasi berkenaan dan menerima vaksin jenis Pfizer, Sinovac dan Cansino dalam dua fasa antara 23 September hingga 22 Oktober lalu.

Antara kesan advers serius lain yang dinyatakan dalam surat itu termasuk membabitkan jantung kelumpuhan serta bahagian badan yang mengalami kelemahan.

2,842 kes positif baharu direkod

Putrajaya: Sebanyak 2,842 kes positif baharu COVID-19 direkodkan di negara ini, setakat tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, menerusi kiriman di media sosial berkata hingga kini jumlah kumulatif kes positif akibat pandemik itu di Malaysia mencecah sebanyak 2,769,886 kes.

Sementara itu laman sesawang github melaporkan sebanyak 23 kematian berikutan COVID-19 direkodkan kelmarin berbanding 19 kes hari sebelumnya.

Laman sesawang itu yang dikendalikan Kementerian Kesihatan (KKM) turut melaporkan empat kes kematian di luar kemudahan kesihatan (BID) setakat tengah malam Isnin.

Secara perbandingan, Pulau Pinang mencatatkan jumlah kematian tertinggi dengan enam kes, diikuti lima kes di Selangor, Perak (4), Kelantan (3), Johor (2), Pahang (2), Sabah (2), Terengganu (2) dan masing-masing satu kes di Kedah serta Sarawak.

Enam negeri pula mencatatkan sifar kes kematian iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, La-

buan dan Putrajaya.

Setakat tengah malam kelmarin, kadar penggunaan katil hospital di beberapa negeri kekal berada pada paras kategori merah, iaitu lebih 70 peratus daripada kapasiti.

Mengikut laman sesawang CovidNow, kadar penggunaan katil hospital di Melaka terus mencatatkan kadar tertinggi berbanding negeri lain iaitu 80.2 peratus, disusuli Kelantan (76.1 peratus), Terengganu (74.8 peratus) dan Johor (71.4 peratus).

Lima negeri, iaitu Pahang, Perak, Perlis, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang mencatatkan kadar penggunaan katil hospital di paras antara 60 hingga 69 peratus manakala Kedah, Selangor, Sarawak, Putrajaya, Sabah serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bawah 59 peratus.


Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan kadar penggunaan katil hospital pada kadar terendah, iaitu 34.2 peratus.

Bagi kemudahan lain seperti pusat kuarantin, sebanyak 21.8 peratus digunakan di seluruh negara dan Johor mencatatkan jumlah tertinggi pesakit COVID-19 yang sedang menjalani kuarantin iaitu 55.5 peratus.



Petugas perubatan memberikan suntikan vaksin dos penggalak kepada penerima di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya. (Foto Damil Saad/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : COVID-19



ORANG ramai yang hadir untuk mendapatkan suntikan dos penggalak vaksin Covid-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya, kelmarin. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memutuskan sela masa baharu bagi pemberian dos penggalak kepada penerima vaksin Pfizer dan AstraZeneca ditetapkan tiga bulan selepas menerima dos kedua. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Oleh Rafidah Mat Ruzid
 am@hmetro.com.my

Putrajaya

Peningkatan kluster tempat kerja sekali gus menunjukkan pematuan kepada prosedur operasi standard (SOP) masih lagi di tahap rendah.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah (*gambar*) berkata, peningkatan yang ketara dilihat bagi kategori kluster tempat kerja dan kluster import manakala kategori kluster lain menunjukkan penurunan kecuali kluster komuniti serta pusat tahanan yang kekal statik pada ME ke-52.

"Peningkatan kluster tempat kerja ini menunjukkan pematuan kepada SOP masih lagi di tahap yang rendah.

"Hal ini tidak seharusnya berlaku memandangkan masyarakat di Malaysia sepatutnya sudah cakna akan kepentingan SOP dalam memutuskan rantaian Covid-19," katanya.

Berikutan itu, beliau berkata, KKM ingin mengingatkan masyarakat bahawa pematuan kepada SOP masih perlu diamalkan walaupun populasi Malaysia sudah mencapai 78.4 peratus lengkap divaksinasi, supaya penularan Covid-19 dapat di-

KLUSTER TEMPAT KERJA MENINGKAT

Pematuhan SOP rendah

kurangkan seiring dengan pembukaan semua sektor ekonomi dan peningkatan aktiviti sosial.

Pun begitu, Dr Noor Hisham berkata, KKM turut melihat penurunan sebanyak 3.6 peratus bagi kluster aktif berbanding ME ke-51.

Beliau berkata, selain itu, sebanyak 40 kluster sudah diisytiharkan tamat pada ME ke-52.

Katanya, peratusan kluster tamat ini menurun sebanyak 24.5 peratus berbanding ME ke-51.

Dr Noor Hisham berkata, pada ME ke-52 sebanyak 18 kluster tempat kerja dikesan, diikuti lima kluster komuniti; empat kluster import; dua kluster pusat pendidikan dan masing-masing satu kluster kumpulan berisiko tinggi, kluster aktiviti keagamaan serta kluster pusat tahanan.

Pada masa sama, beliau berkata, KKM mengingatkan pengembara dan individu yang mendapat kebe-



naran menjalani kuarantin di rumah supaya tidak menerima kunjungan daripada ahli keluarga, sahabat handai dan jiran tetangga ketika dalam tempoh kuarantin.

Katanya, ia bagi mengelakkan penularan jangkitan Covid-19 kepada pelawat dan seterusnya kepada komuniti.

Berhubung penularan varian Omicron dalam negara ini, Dr Noor Hisham berkata, KKM sudah melaksa-

nakan beberapa langkah bagi mengelakkan penularan Covid-19 dalam komuniti termasuk langkah yang berkuatkuasa mulai hari ini.

Katanya, seperti dilaporkan sebelum ini, pada ME ke-51 dan ME ke-52, kes positif Covid-19 dalam kalangan pengembara yang tiba dari Arab Saudi mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 1,161 kes berbanding Singapura (913 kes), Indonesia (8 kes) dan United Kingdom (49 kes).

"Jemaah umrah yang baru tiba di Malaysia perlu menjalani kuarantin di stesen kuarantin ditetapkan pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

"Bagi pengembara yang datang dari negara lain, mereka boleh membuat permohonan untuk menjalani kuarantin di rumah melalui aplikasi Home Quarantine Application (HQA) iaitu <https://hso.moh.gov.my/outheak-portal-hqa/index>," katanya.

Pick beri 58,055,878 dos vaksin dengan 6,627,119 dos penggalak

Kuala Lumpur: Sebanyak 22,864,655 individu atau 97.7 peratus populasi dewasa di negara ini melengkapkan dos vaksin Covid-19 setakat jam 11.59 malam, kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan menerusi laman COVIDNOW, 23,155,545 individu atau 98.9 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja pula, 87.6 peratus atau 2,758,498 individu berusia 12 hingga 17 tahun meleng-

kapkan vaksinasi manakala 2,849,786 atau 90.5 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, sejumlah 208,327 dos vaksin diberikan kelmarin membabitkan 2,768 dos pertama, 3,843 dos lengkap dan 201,716 dos penggalak.

Perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kepada 58,055,878 dos termasuk 6,627,119 dos penggalak. - Bernama

18 BANDUAN ALAMI AEFI

KKM segera lakukan siasatan

Putrajaya: Susulan tular ramai banduan Penjara Kajang mengalami kesan sampingan serius susulan suntikan vaksin Covid-19, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di Kementerian Kesihatan (KKM) segera melakukan siasatan.

Setakat ini KKM menerima laporan mengenai 18 kes banduan mengalami kesan advers susulan imunisasi (AEFI) serius dilaporkan membabitkan kalangan banduan di Penjara Kajang.

Pengarahnya, Dr Rosahyati Mohamad Sani dalam satu kenyataan media berkata, pada masa sama, laporan AEFI yang diklasifikasikan sebagai serius termasuk membabitkan kematian sedang dalam proses penyiasatan.

"KKM ingin merujuk kepada surat daripada Penjara Kajang yang tular di media sosial berkenaan 18 kes mengalami kesan AEFI serius dilaporkan dalam kalangan penerima vaksin Covid-19 melalui Program Vaksinasi Banduan Penjara Kajang di penjara itu.

"Adalah dimaklumkan bahawa KKM melalui NPRA memantau secara berterusan keselamatan penggunaan se-



Siasatan juga dijalankan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat lengkap"

Dr Rosahyati Mohamad Sani

mua vaksin termasuk vaksin Covid-19 melalui pemantauan laporan AEFI," katanya.

Beliau berkata, siasatan juga dijalankan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat lengkap.

Katanya, laporan siasatan akan dibentangkan untuk dinilai Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin Covid-19 (JFKV) bagi mengesahkan sebab akibat atau hubungkait vaksin dengan kesan advers dilaporkan.

Sehubungan itu, beliau berkata, KKM akan memaklumkan situasi semasa laporan kepada umum dari semasa ke semasa.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Jemaah umrah boleh pilih pusat kuarantin swasta atau kerajaan

PETALING JAYA – Jemaah umrah yang baru pulang ke tanah air kini mempunyai pilihan sama ada mahu kuarantin di stesen yang diuruskan pihak swasta atau yang disediakan pihak kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad berkata, pilihan tersebut diberikan susulan keibimbangan jemaah berkaitan kos tambahan yang dikenakan selain penyelesaian apabila mereka di kuarantin.

Beliau berkata, bagi penempatan kuarantin yang diurus kerajaan, orang dalam pengawasan (PUS) iaitu jemaah yang negatif ujian saringan Covid-19 oleh Ke-

menterian Kesihatan (KKM).

"PUS ini akan ditempatkan di hotel atau pusat latihan awam bergantung kepada ketersediaan bilik pada hari ketibaan.

"Bagi pilihan ini, kos urusan kuarantin ditanggung oleh pihak kerajaan termasuk makan, minum serta pengangkutan dari lapangan terbang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Abd. Latiff, tempoh kuarantin adalah seperti yang ditetapkan KKM.

Tambah beliau, terdapat 25 pusat kuarantin yang disediakan termasuk enam di pusat latihan awam dan sebanyak 19 hotel di Negeri Sembilan serta Selangor.



JEMAAH umrah yang baru pulang dari Tanah Suci kini diberi pilihan untuk berada di pusat kuarantin swasta atau kerajaan.



SEBAHAGIAN warga kota keluar ketika waktu tengah hari di sekitar Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. – MOHD. FARIZWAN

ICU catat 50 peratus penggunaan

PUTRAJAYA – Kadar penggunaan unit rawatan rapi (ICU) di Malaysia mencatatkan 53.0 peratus kelmarin melibatkan 265 kes aktif, berdasarkan data pada laman web CovidNow.

Bagi pecahan negeri, Putrajaya mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 90 peratus, diikuti Kuala Lumpur sebanyak 82.7 peratus, Terengganu (68.9 peratus), Pulau Pinang (67.0 peratus), Kelantan (62.6 peratus) dan Selangor (62.4 peratus).

"Seterusnya, Negeri Sembilan

(56.6 peratus), Sabah (56.1 peratus), Johor (55.6 peratus), Melaka (53.3 peratus), Perak (42.0 peratus) dan Pahang (40.7 peratus).

"Negeri-negeri lain ialah Perlis (36.8 peratus), Kedah (34.9 peratus), Sarawak (30.5 peratus) dan Labuan (16.7 peratus)," demikian berdasarkan maklumat tersebut semalam.

Berhubung kes kematian akibat Covid-19, sebanyak 28 kes kematian dilaporkan dengan jumlah kumulatif sebanyak 31,560 kes serta tiada kematian yang


dilaporkan dalam tempoh 24 jam kelmarin.

Terdapat empat kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-death (BID), menjadikan jumlah kes BID sebanyak 6,366 kes.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes harian kekal di bawah angka 3,000 dengan 2,842 kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 sebanyak 2,769,886 kes.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 12
 RUANGAN : NEGARA

Derenda atau penjara jika guna bahan bahaya untuk bungkus makanan **Jangan guna paku, dawai kokot**



MAKANAN yang dibungkus dan diselitkan paku menjadi trend sejak akhir-akhir ini.

Oleh FITRI HAZIM

PETALING JAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mengingatkan peniaga supaya tidak menggunakan paku atau bahan seumpamanya yang berbahaya pada pembungkusan makanan dan jika ingkar, mereka bakal berdepan tindakan undang-undang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983, sesiapa yang menyedia atau menjual apa-apa makanan yang di dalamnya mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan adalah dianggap melakukan kesalahan.

Noor Hisham menambah, peniaga yang ingkar boleh didakwa di mahkamah serta dijatuhi hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya.



KERATAN Kosmo 3 Januari 2022.

"Hukuman yang lebih berat itu boleh dikenakan kepada peniaga sekiranya bahan tersebut ditemui dalam makanan.

"KKM mengambil maklum mengenai isu penggunaan paku bagi membungkus makanan yang tular di media sosial serta pandangan pelbagai pihak yang khuatir terhadap kaedah pembungkusan makanan yang tidak

selamat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, pembungkusan makanan menggunakan paku yang menjadi trend pada masa kini tidak sepatutnya berlaku kerana terdapat pelbagai kaedah pembungkusan lain yang lebih selamat untuk membungkus makanan dengan baik.

Ujarnya, penggunaan paku, dawai kokot atau bahan lain yang berbahaya pada pembungkusan makanan tidak sepatutnya berlaku.

"Terdapat pelbagai kaedah pembungkusan makanan yang terbukti selamat dan berkesan membungkus makanan dengan baik," ujarnya.

Noor Hisham turut mengingatkan para ibu bapa untuk memeriksa terlebih dahulu makanan yang diberikan kepada anak-anak sebelum dimakan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Gelang pengawasan digital
didakwa tidak berkualiti

SHAH ALAM - Gelang pengawasan pengesanan digital, peranti e-Bracelet RFID (e-Bracelet) yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memantau pergerakan individu yang baru pulang dari luar negara didakwa tidak berkualiti.

Pelakon Azad Jasmin berkata, beliau yang baru pulang menunaikan umrah pada Isnin diberikan gelang tersebut tetapi tidak sampai beberapa jam ia sudah tercabut.

Tambahnya, sekiranya ada pemakai yang tidak bertanggungjawab, pasti mereka melanggar prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dengan menziarahi saudara-mara.

"Saya dan isteri diberi satu modem dan gelang selepas pulang daripada umrah, namun ketika saya duduk berehat gelang itu secara tiba-tiba tercabut.

"Saya pelik melihat gelang yang digunakan untuk memantau pergerakan ini boleh tercabut begitu saja.

"Jadi bayangkan kalau daripada 10,000 orang yang guna dan 10 peratus tidak bertanggungjawab, mereka letak gelang ini di rumah atau gantung pada leher kucing dan biarkan ia bergerak di rumah dan mereka keluar, jika ini berlaku pastinya membahayakan orang lain," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Sebelum ini, Azad Jasmin dalam video pendek berdurasi 45 saat yang dimuat naik di Instagramnya membidas penggunaan gelang bagi memantau pergerakan individu yang menjalani kuarantin di rumah tidak berkualiti.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sehingga kini dia sudah menerima 10 mesej langsung (DM) di Instagram yang mendakwa mengalami perkara sama terjadi seperti ini.



Tangkap layar video
Instagram: Azad Jasmin.

Kabinet bincang isu tangguh umrah

Khairy diminta bentang
laporan terperinci hari ini

Oleh NORAZURA MD AMIN

SEGAMAT

Laporan terperinci berhubung keputusan penangguhan aktiviti umrah bermula 8 Januari ini akan dibentangkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada mesyuarat khas kabinet hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga akan membentangkan isu Covid-19 terutama berkaitan penularan varian Omicron.

"Esok (Rabu) saya akan dapatkan gambaran sebenar mengenai isu umrah ini. Cuma saya hendak maklumkan keputusan KKM lebih kepada hendak menjaga nyawa kita. Bagaimanapun esok saya mahu dapat laporan terperinci dahulu," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau Pusat Pemindahan Sementara Balai Raya Kampung Tandong di sini pada Selasa.

Sementara itu, Ismail berkata, pascabanjir dan persediaan agensi-agensi berkaitan mengenai persiapan



Perjalanan jemaah umrah ke tanah suci ditangguhkan bermula 8 Januari ini susulan penularan wabak Covid-19 dalam kalangan jemaah Malaysia.

dalam menghadapi gelombang kedua banjir turut akan dibincangkan pada mesyuarat tersebut.

Pada 1 Januari lalu, Khairy mengumumkan aktiviti umrah ditangguhkan mulai 8 Januari ini sehingga tankh yang akan dimaklumkan kelak, dengan jemaah akan mendapat bayaran balik atau dijadualkan semula perjalanan mereka.

Khairy berkata, KKM sedang berbincang dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji (Papuh) untuk membantu semua bakal jemaah umrah yang terkesan dengan penangguhan itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham Abdullah sebelum ini turut berkongsi data yang dikemas kini KKM menunjukkan 1,306 daripada 11,108 jemaah di seluruh negara, kecuali Putrajaya, disahkan positif Covid-19 dari 25 November hingga 30 Disember lalu.

Penangguhan tersebut menyebabkan kira-kira 10,000 jemaah dijangka terkesan.

Presiden Papuh, Datuk Seri Razali Mohd. Sham dilaporkan berkata, semua industri yang terlibat dengan perkhidmatan umrah dijangka menanggung kerugian besar mencecah jutaan ringgit.



Kerajaan tanggung kos kuarantin jemaah umrah

SHAH ALAM - Kerajaan akan menanggung kos urusan kuarantin termasuk makan, minum dan pengangkutan dari lapangan terbang bagi jemaah umrah yang pulang dari tanah suci.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, bagi penempatan kuarantin yang diurus kerajaan, individu di bawah pengawasan (PUS) iaitu jemaah yang negatif ujian saringan Covid-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan ditempatkan di hotel atau Pusat Latihan Awam (PLA) bergantung ketersediaan bilik pada hari ketibaan.

"Jemaah umrah mempunyai pilihan sama ada berurusan terus dengan stesen kuarantin swasta (rujuk hotel yang disenaraikan Nadma atau stesen kuarantin diuruskan kerajaan)," katanya dalam kenyataan.



LATIFF AHMAD

Beliau memaklumkan, stesen kuarantin PLA terlibat ialah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi, Nilai; Institut Aminuddin Baki, Nilai; Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi; Institut Semarak Felda, Bangi; Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan, Bangi dan Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur.

Stesen kuarantin hotel pula ialah Klana Resort, Seremban; Swiss Garden, Bukit Bintang; IBIS, KLCC; Furama, Bukit Bintang; Mercure Kuala Lumpur Shaw-Parade; IBIS Style KL Fraser Business Park; AnCasa; Cosmo; Hotel KIP dan Arena Star.

Hotel lain ialah Sama-Sama; Dorsett Grand, Subang; Crystal Crown, Petaling Jaya; Sunway Clío; Hilton Garden Inn, Puchong; Oriental Crystal; Hotel Summit, USJ dan Pegasus, Shah Alam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Henti bungkus makanan guna paku

Boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekiranya didapati bersalah

Oleh NAZRIN ZULKAPLI

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihatkan peniaga makanan supaya tidak menggunakan paku, dawai kokot dan seumpamanya untuk membungkus makanan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bahan tersebut boleh menyebabkan kecederaan yang serius sekiranya ia termasuk dalam makanan dan ditelan pengguna.

Menurutnya, peniaga makanan yang menggunakan barangan berbahaya pada pembungkusan makanan boleh didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika didapati bersalah.

"KKM mengambil maklum mengenai isu penggunaan paku bagi membungkus makanan yang tular di media sosial baru-baru ini, dan pandangan pelbagai pihak yang khuatir akan bahaya trend kaedah pembungkusan makanan yang tidak selamat ini," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, hukuman yang lebih berat boleh dikenakan sekiranya bahan tersebut ditemui dalam makanan, berdasarkan Seksyen 13, Akta Makanan 1983.

Katanya, penggunaan paku, dawai kokot atau bahan lain yang berbahaya pada pembungkusan makanan tidak sepatutnya berlaku kerana hari ini terdapat pelbagai kaedah pembungkusan makanan yang lebih selamat dan sesuai membungkus makanan dengan baik.

"Di bawah Peraturan 37(2), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh menyimpan, membawa, menyebarkan atau menggunakan apa-apa bahan asing, beracun, berbahaya atau merosakkan yang terkandung



DR NOOR HISHAM

pada mana-mana makanan hingga boleh mendedahkan makanan yang hendak dijual kepada risiko pencemaran oleh bahan-bahan tersebut.

"Selain itu, di bawah Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 menyatakan

pengendali makanan perlu memastikan pembungkusan makanan bebas daripada apa-apa pencemaran termasuk bahan seperti paku yang boleh memudaratkan pelanggan atau pengguna," katanya.

Menurutnya, hasil pemantauan KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) pada tahun 2019 hingga 2021, sebanyak 19 (3.5 peratus) daripada 546 sampel makanan yang dianalisis didapati telah tercemar dengan bahan fizikal seperti batu, plastik, pasir, rambut, serangga dan cacing.

"Tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya telah diambil terhadap pengusaha atau peniaga terlibat manakala 45,361 premis makanan telah diperiksa di seluruh negara pada 2021.

Hentikan Trend NASI PAKU

Paku merupakan food hazard yang boleh menyebabkan kecederaan

Infografik-PHM

Peniaga boleh dikenakan tindakan dibawah Akta Makanan 1983

Laporkan kepada Pejabat Kesihatan Berhampiran

"Daripada jumlah itu, sebanyak 697 atau 1.5 peratus premis makanan telah ditutup akibat pelbagai kesalahan," ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, pengguna boleh menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau melalui laman web

<http://moh.spab.gov.my> atau Facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan www.facebook.com/bkmmhq jika menjumpai makanan yang dibungkus menggunakan paku, dawai kokot dan seumpamanya serta lain-lain isu berkaitan keselamatan makanan.

Peniaga 'nasi paku' kembali guna getah pengikat biasa



Walaupun masih menggunakan nama Nasi Paku, namun Muhammad telah lama menggunakan getah pengikat untuk membungkus nasi di kedainya.

KOTA BHARU - Trend menggunakan paku untuk membungkus nasi sememangnya menjadi kebiasaan dalam kalangan beberapa peniaga di negeri ini.

Begitupun selepas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan kenyataan mengenai penggunaan paku tersebut, peniaga-peniaga di negeri ini telah mengambil tindakan menghentikan penggunaan bahan berkenaan.

